

# Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH Minggu Paska Ke-4 (Minggu Gembala Yang Baik)



DIUTUS DENGAN KEGEMBIRAAN UNTUK MENYEMBUH

TEMA BULANAN:

**HIDUP DALAM SEGALA KELIMPAHAN**

*Biar Dia Membimbing  
Kita Ke Padang Rumput  
yang Hijau*



**B**erapa orang antara kita yang boleh menuntut bahawa kita "hidup dalam segala kelimpahan?" Sesetengah kita mungkin menyamakan hidup dalam segala kelimpahan sebagai hidup yang dipenuhi dengan kekayaan material, mencapai kejayaan manusiawi atau memperoleh pengetahuan manusiawi.

Sudah tentu kita selalu berasa penat dan lelah namun Tuhan membawa kita mengharungi semua ini.

- St. Mary MacKillop

Mungkin juga kita percaya bahawa semua masalah dan kesukaran boleh diselesaikan dengan wang ringgit, material atau kebijaksanaan manusiawi dan perusahaan duniawi.

Dalam Injil hari ini, Yesus menjanjikan "hidup dalam segala kelimpahan" (Yoh 10:10). Namun, kita memerlukan kematangan Kristiani untuk memahami SabdaNya. Iman Kristiani kita mengajak kita memakai "kanta mata" Kristus, untuk melihat bahawa "hidup dalam segala kelimpahan" itu bererti hidup bergantung sepenuhnya dengan rendah hati kepada Tuhan, dengan mengambil Yesus sebagai model yang telah hidup seperti ini. "Hidup dalam segala kelimpahan" bermaksud menjadi peribadi seperti yang dikehendaki Tuhan. Ia bermaksud menjadi murid sebenar Kristus.

Ajakan untuk bergantung kepada Dia, menjadi muridNya, dan duduk semeja denganNya, asasnya adalah satu peluang untuk terikat kepadaNya. Kesatuan inilah, saudara dan saudari, yang membenarkan kita hidup dalam segala kelimpahan! Marilah kita percaya kepadaNya untuk membimbing kita ke lembah damai. Marilah kita masuk melalui pintuNya, supaya kita menemukan padang rumput (Yoh 10:9). Berbeza dengan kekayaan duniawi, **Dia akan membawa kita kepada kepenuhan yang sebenar**, dan damai yang sebenar di sepanjang perjalanan hidup kita.

Yesus berjanji kepada kita bahawa sebagai pintu kepada kawan domba, "...barangsiapa masuk melalui Dia, ia akan selamat." (Yoh 10:9). SabdaNya memberi kita jaminan bahawa walaupun kita sesat jauh daripadaNya seperti domba yang hilang, Yesus, Gembala kita, sentiasa memanggil kita dengan nama kita. Dia terus mengajak kita masuk ke dalam perlindungan tanganNya, dan hidup berkelimpahan.

Adakah kita menjawab ajakanNya? †



#### Bacaan Injil Harian:

Kis 2, 38-41

Maz 22, 1. 3-6

1 Pet 2, 20-25

Yoh 10: 1-10

Perkataan  
mingguan

Yesus akan membawa  
kita kepada  
kepenuhan yang  
sebenar



**GEREJA VISITATION**  
 85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban  
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-7677544  
 E-MEL : serembanvisitation@gmail.com  
 Laman Web : www.visitationseremban.org  
 Paderi Paroki : Rev. Fr Xavier Andrew  
 Pembantu Paroki : Fr. Kenneth Gopal

**TEMA TAHUN 2020**  
**PERMURIDAN: DIUTUS DENGAN KEGEMBIRAAN**  
 Tema Bulan Mei 2020  
 Pelayanan / panggilan: Hidup Yang Berkelimpahan

**WAKTU PEJABAT PAROKI**  
 Isnin – Jumaat: 8.30am - 5.30 pm  
 Sabtu : 8.30am – 7.30 pm  
 Ahad: 8.30 am - 3.00 pm  
 Pengakuan di gereja boleh  
 dilakukan ½ jam sebelum misa  
 mengikut kesedian Paderi



**2/3 MEI 2020 : ( Hari Minggu Gembala Baik )**

**HARI MINGGU PASKAH YANG KEEMPAT** : AC 2, 36-41, Ps 22, 1-36a, 3b -4, 5, 6, 1 Pt 2, 20b -25, Jn 10, 1-10  
 “The Lord is My Shepherd, There is Nothing I Shall Want ” (Psalm : 22)

**Sumbangan yang diterima dari 18 Mac - 26 April 2020 ( semasa PKP )**

|                  | Sumbangan paroki | Ruang Adorasi | Bank makanan PIHDM |
|------------------|------------------|---------------|--------------------|
| Jumlah Kumulatif | RM 13, 460.00    | RM 1, 330.00  | RM 850.00          |

**Terima Kasih Diatas Sumbangan anda. Tuhan Memberkatii!**

**SUMBANGAN/PERSEMBAHAN**

Kepada sesiapa yang ingin memberi sumbangan seperti berikut:

1. Sumbangan Kewangan Paroki
2. Ubahsuai ruang Adorasi
3. Persembahan Misa
4. Bank makanan PIDM

Kami menyeru anda untuk menggunakan perbankan secara atas talian. Maklumat akaun bank Paroki Gereja adalah seperti dibawah:

- (a) Bank : Public Bank Berhad
- (b) Penama Akaun Bank : Church of Visitation
- (c) No. akaun : 3121194612

Sila nyatakan maklumat dengan betul dalam perbankan atas talian seperti berikut untuk dijadikan rujukan paroki :

1. Jumlah
2. Tujuan (mana - mana berikut.)
  - a. Sumbangan kewangan Paroki
  - b. Pemohonan Doa (nama) - (RIP, Kesyukuran atau Permohonan Khas)
  - c. Ubahsuai ruang Adorasi
  - d. Bank Makanan PIDM

Untuk maklumat lanjut sila hubungi : John Davidson (010-6158961) or Bernadette (012-2715840)

Sila emelkan slip transaksi kepada emel Paroki [serembanvisitation@gmail.com](mailto:serembanvisitation@gmail.com) untuk rujukan Paroki

Tiada misa sepanjang bulan April disebabkan Pandemik Covid-19

Pejabat Paroki akan ditutup pada 1 - 12 Mei 2020

Sebarang kecemasan sila berhubung dengan Nathan (012-6840750) atau Collins (016-3647506)

Doakan jiwa yang telah pergi :

- 1) Robet Santiavhoo (d.o.d - 24/4/2020)
- 2) Kevin Chin Yong Hua (d.o.d - 21/4/2020)
- 3) Peter Devason A/L David Mosses (d.o.d - 27/4/2020)
- 4) Mangsa Covid-19

**DALAM KESEDARAN AKAN KERAHIMAN**

Saudara - saudari, semoga Tuhan berserta anda semua. Dengan perlanjutan PKP, mungkin terdapat sebahagian daripada anda semua yang menerima perutusan ini dengan baik dan mungan ada yang berduka disebabkan oleh tekanan stress, kebosanan, kekurangan sumber pendapatan dan kehilangan kerja. **Rom 8 : 28 tells us "all things will work out for good for all these who love God."** Marilah kita memuliakan Tuhan dengan lebih, Mencintai-Nya dengan lebih dan mengingat Dia selalu. Apabila anda melakukan sedemikian maka segala kegusaran anda akan berkurangan. Dengan kesedaran yang besar tentang Kerahiman anda akan lebih tenang dan gembira. Walaupun anda bukan individu yang kerap ke Gereja atau yang percaya, Kesedaran terus akan Kerahiman akan berkerja dengan anda. Jaga Keselamatan, Jaga Kesihatan.

**Berdoa dan Tenang Selalu ! Frs. Xave and Kenneth.**

**Garis panduan upacara pengkebumian semasa Perintah Kawalan Pergerakan**

- a) Tiada doa arwah hari ketujuh di kawasa perkuburan dan rumah. Keluarga boleh melakukan doa mereka secara tertutup. Buku akan disediakan oleh Paroki untuk kegunaan keluarga.
- b) Doa "vigil" dan Misa pengkebumian akan dilakukan oleh Paderi di rumah atau kawasan pengkebumian. Ini hanya terhad untuk ahli keluarga arwah mengikut arahan Kementerian Pertahanan Negeri dan Menteri Kesihatan Malaysia.
- c) Langkah berjaga-jaga (penjagaan jarak dll) perlu di amalkan
- d) Semua upacara Perkahwinan sepanjang bulan Mac dan April dinasihatkan untuk ditunda ke suatu tarikh yang sesuai.

**Siaran Langsung Misa pada Minggu Suci dari 2 - 8 Mei 2020**

-Tonton Siaran langsung di : [www.Tv.ArchKL.org](http://www.Tv.ArchKL.org)

**Sabtu : 2 Mei : 5.00 pm (English) 6.00 pm (B.Melayu)**

**Ahad : 3 Mei Hari Minggu Gembala Baik : 7.30 am (Tamil)  
 9.00 am (Mandarin)  
 10.30 am (English)**

**Hari biasa : 4 - 8 Mei : 6.00 pm (English)**